

## **GARIS PANDUAN BAGI PREMIS PERNIAGAAN SEMASA FASA AWAL ENDEMIK DI BAWAH RANGKA KERJA PEMULIHAN KEBANGSAAN COVID-19**

1. Dokumen ini menyediakan garis panduan yang telah dikemaskini bagi premis perniagaan semasa Fasa Awal Endemik di bawah Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan.
2. Fasa Awal Endemik telah bermula pada 15 Disember 2021 dan antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan adalah termasuk pengemaskinian kepada pembukaan serta kelonggaran sekatan tempat kerja dan premis perniagaan bagi individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi. Fasa Endemik adalah penerimaan kehidupan norma baharu dengan gangguan minima dalam kehidupan pasca pandemik COVID-19.
3. Pendekatan dalam Fasa Awal Endemik ini akan terus memastikan pematuhan kepada Langkah-Langkah Kawalan COVID-19 dan memperluaskan penggunaan *Antigen Rapid Test* (ART) sebagai alat saringan dan pengawasan untuk mengesan awal kemungkinan jangkitan.
4. Langkah-langkah kawalan COVID-19 adalah seperti berikut:
  - a) Penggunaan aplikasi BruHealth
    - Mendaftar BruHealth : Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.
    - Daftar Pekerja : Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja didaftarkan di dalam aplikasi BruHealth. Kesemua pekerja adalah dikehendaki untuk mengimbas masuk/keluar apabila mereka tiba/meninggalkan premis kerja.
    - Mengimbas Kod BruHealth : Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi BruHealth mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua pekerja / kakitangan / sukarelawan).
    - Warna Kod BruHealth : Pemilik premis perlu memastikan hanya individu yang mempunyai kod BruHealth hijau dan kuning dibenarkan masuk.
  - b) Vaksin Lengkap - Pemilik premis hendaklah memastikan semua pekerja / kakitangan / sukarelawan yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya. Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima **dua dos** vaksin di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan World Health Organisation (WHO) [WHO Emergency Use Listing] atau vaksin yang diluluskan oleh *Brunei Darussalam Medicines Control Authority* (BDMCA). Status vaksinasi dalam BruHealth, Sijil Vaksinasi Antarabangsa

atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima dan ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.

- c) Penjarakan Sosial - Mengamalkan langkah-langkah penjarakan sosial dan fizikal iaitu sekurang-kurangnya 1.5 meter di antara individu jika boleh.
- d) Pengudaraan Premis - Pemilik premis hendaklah memastikan premis dalaman mempunyai pengudaraan yang mencukupi.
- e) Protokol Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity*) - Menyediakan Pelan Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan* [BCP]) untuk memastikan premis kekal beroperasi seperti melaksanakan *alternate teams* dan garis panduan *contact tracing*.
- f) *Antigen Rapid Test* (ART) - Melaksanakan ujian ART, bila perlu, mengikut Garis Panduan ART yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan (MOH).

5. Sebagai peranan bersama, setiap premis perniagaan dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa. Mana-mana pemilik premis perniagaan yang didapati tidak mematuhi garis panduan pembukaan semula premis dan syarat-syarat yang ditetapkan **boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204** dan premis tersebut **boleh diarahkan untuk tutup dengan serta merta**.

6. Pengemaskinian kepada garis panduan bagi premis perniagaan adalah seperti berikut:

**A. GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN SECARA *DINE-IN* DI PREMIS-PREMIS MAKANAN**

Langkah-langkah pengemaskinian perkhidmatan penyajian makanan secara *dine-in* bagi premis-premis makanan seperti restoran (termasuk yang di dalam hotel), kafe, gerai dan food court hendaklah mematuhi syarat-syarat langkah-langkah berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR melalui aplikasi BruHealth. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa kecuali ketika makan atau minum.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test</i> (ART) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Pekerja yang mengendalikan dan menyediakan makanan hendaklah memakai sungkup muka (<i>face mask</i>), apron dan sarung tangan pakai buang. Ianya perlu dibuang di tong-tong sampah tertutup apabila selesai digunakan.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Premis makanan dibenarkan untuk menyediakan khidmat dine-in pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah)</b>. Had kapasiti penuh adalah tertakluk kepada penjarakan fizikal dengan sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara meja.</li> <li>• Premis makanan tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk <i>dine-in</i> dari kapasiti biasa (<i>normal capacity</i>).</li> <li>• Penyediaan makanan secara <i>dome</i> adalah dibenarkan. Manakala, penyediaan makanan secara <i>buffet</i> adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>• Menyediakan ruang atau barisan khas untuk perkhidmatan <i>takeaway</i>.</li> <li>• Susun atur meja dan kerusi di ruang <i>dine-in</i> yang bersesuaian bagi memastikan penjarakan fizikal.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki premis makanan dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau <i>disterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasiian.</li> </ul>	

## B. GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN KATERING MAKANAN UNTUK ACARA DI DALAM DEWAN/TEMPAT KEDIAMAN

Langkah-langkah pengemaskinian bagi perkhidmatan katering makanan untuk acara di dalam dewan/tempat kediaman hendaklah merujuk syarat-syarat di bawah Garis Panduan bagi *Mass Gathering*.

## C. GARIS PANDUAN BAGI PANGGUNG WAYANG/PAWAGAM

Langkah-langkah pengemaskinian operasi bagi panggung wayang/pawagam hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR melalui aplikasi BruHealth sebelum memasuki pawagam. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa kecuali ketika makan atau minum.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Pengunjung dibenarkan makan atau minum semasa menonton tayangan filem.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Premis tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk dari kapasiti biasa (<i>normal capacity</i>).</li> <li>• Penjualan makanan dan minuman di premis adalah dibenarkan.</li> <li>• Memastikan penjarakan fizikal dan sosial iaitu sekurang-kurangnya satu (1) tempat duduk di antara pengunjung pawagam. Pelanggan yang datang dalam kumpulan keluarga adalah dibenarkan duduk berdekatan.</li> <li>• Memastikan siaran filem yang ditayangkan akan menjarakkan masa tayangan selepas habisnya satu tayangan filem bagi membolehkan pihak pawagam membersihkan tempat duduk dan persekitaran pawagam (<i>fully sanitise</i>).</li> <li>• Melaksanakan pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasiian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

#### D. GARIS PANDUAN BAGI ARKED DAN TAMAN PERMAINAN TERTUTUP

Langkah-langkah pengemaskinian operasi bagi arked dan taman permainan tertutup hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

D1. Arked

<b>Pemilik/Pekerja</b>	<b>Pelanggan</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Premis hendaklah memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li> <li>• Melaksanakan pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki premis makanan dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan semua peralatan permainan arked yang digunakan untuk dibersihkan atau <i>disterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasian.</li> </ul>	

## D2. Taman Permainan Tertutup

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Premis hendaklah memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li> <li>• Melaksanakan pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki premis makanan dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>	<p>Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan semua alat-alat permainan yang digunakan untuk dibersihkan atau <i>disterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasiian.</li> </ul>	

## E. GARIS PANDUAN BAGI KAFE INTERNET

Langkah-langkah pengemaskinian operasi Kafe Internet hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Dimestikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>



Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Premis tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti ruang duduk dari kapasiti biasa (<i>normal capacity</i>).</li> <li>• Memastikan penjarakan fizikal dan sosial iaitu jarak tempat duduk sekurang-kurangnya 1.5 meter diantara setiap pelanggan.</li> <li>• Melaksanakan pemeriksaan suhu badan sebelum memasuki premis makanan dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau disanitasi sebelum dan setelah digunakan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasian.</li> </ul>	

## F. GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN ESTABLISMEN KECANTIKAN DAN KESIHATAN

Langkah-langkah pengemaskinian pembukaan semula perkhidmatan dan kemudahan establismen kecantikan dan kesihatan (EKK) (termasuk jurusolek yang menawarkan perkhidmatan kecantikan di rumah) hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa di dalam premis. Akan tetapi dibenarkan untuk menanggalkan sungkup muka jika diperlukan untuk menerima rawatan atau perkhidmatan di kawasan sekitar muka.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Premis hendaklah memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li> <li>• Premis tidak dibenarkan untuk menambah kapasiti dari kapasiti biasa (<i>normal capacity</i>).</li> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Memastikan pekerja untuk mencuci tangan sebelum dan selepas menjalankan perkhidmatan EKK.</li> <li>• Pekerja hendaklah memakai sungkup muka (<i>face mask</i>), apron dan sarung tangan pakai buang semasa menjalankan rawatan. Ianya perlu dibuang di tong-tong sampah tertutup apabila selesai digunakan.</li> <li>• Memastikan ruang premis EKK dan ruang rehat pekerja sentiasa bersih pada setiap waktu serta dilengkapi dengan percahayaan dan pengudaran premis yang mencukupi.</li> <li>• Melaksanakan aktiviti nyahkuman atau disinfeksi sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari di ruangan utama dan bilik rawatan.</li> <li>• Memastikan semua peralatan yang digunakan untuk dibersihkan atau di <i>sterilise</i> sebelum dan setelah digunakan.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasian.</li> </ul>	<p>kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</p>

## G. GARIS PANDUAN BAGI PASAR DAN GERAI TERBUKA

Langkah-langkah pengemaskinian operasi pasar dan gerai terbuka hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Tidak perlu untuk memakai sungkup muka semasa berada di luar, kecuali di tempat-tempat sesak atau semasa perkumpulan ramai.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Premis hendaklah memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Tidak perlu untuk memakai sungkup muka semasa berada di luar, kecuali di tempat-tempat sesak atau semasa perkumpulan ramai.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasian.</li> </ul>	

## H. GARIS PANDUAN BAGI PASARAYA DAN KEDAI RUNCIT

Langkah-langkah pengemaskinian operasi bagi pasaraya dan kedai runcit hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>• Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>• Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>• Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>• Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>• Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Premis hendaklah memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>• Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>• Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>• Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasi premis.</li> </ul>	

## I. GARIS PANDUAN BAGI PEJABAT PERNIAGAAN SWASTA DAN SYARIKAT PEMBUATAN DAN PEMROSESAN

Langkah-langkah pengemaskinian operasi bagi pejabat perniagaan swasta dan syarikat pembuatan dan pemprosesan hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi serta mempunyai kod warna BruHealth <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan untuk bekerja.</li> <li>Pekerja dibenarkan bekerja di semua kawasan premis dan disarankan untuk <b>menjalani ujian ART sekali seminggu dengan mempunyai keputusan ART yang negatif.</b></li> <li>Pihak majikan adalah <b>digalakkan</b> untuk membuat ujian ART berkala ke atas setiap pekerja sepertimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.</li> <li>Mana-mana pekerja yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak hadir bekerja.</li> <li>Memastikan pekerja-pekerja sentiasa memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>Mendaftar premis untuk mendapatkan kod QR BruHealth dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan di kawasan pintu masuk.</li> <li>Dibenarkan untuk beroperasi pada <b>kapasiti penuh ruang pejabat atau kilang, dengan memastikan adanya langkah-langkah penjarakan sosial.</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki premis. Individu yang sudah divaksinasi dan belum divaksinasi (termasuk kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun) yang mempunyai kod warna <b>HIJAU</b> dan <b>KUNING</b> adalah dibenarkan masuk ke premis.</li> <li>Individu yang kurang sihat adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis.</li> <li>Dimastikan memakai sungkup muka (<i>face mask</i>) pada setiap masa.</li> <li>Mengamalkan penjarakan sosial dan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitiser</i>.</li> </ul>

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengunjung dibenarkan masuk pada <b>kapasiti penuh premis berkenaan ATAU had maksima 300 orang (yang mana lebih rendah).</b></li> <li>• Membuat pemeriksaan suhu badan di tempat masuk premis dan menyediakan <i>hand sanitiser</i>.</li> <li>• Mematuhi garis panduan dalam pembersihan dan pensanitasian.</li> </ul>	

## J. GARIS PANDUAN BAGI HOTEL DAN PENGINAPAN

Langkah-langkah bagi perkhidmatan hotel dan penginapan termasuk kemudahan umum seperti kolam renang, fasiliti sukan serta kafe dan restoran di premis tersebut hendaklah merujuk syarat-syarat di bawah garis panduan yang berkaitan seperti Garis Panduan bagi Taman Permainan Tertutup, Garis Panduan bagi Fasiliti Sukan Tertutup, Garis Panduan bagi Aktiviti Rekreasi dalam Fasiliti Sukan Terbuka, Garis Panduan bagi Aktiviti Rekreasi dalam Fasiliti Sukan Tertutup dan Garis Panduan bagi Perkhidmatan Penyajian Makanan Secara *Dine-In* Bagi Premis-Premis Makanan.

## K. GARIS PANDUAN BAGI PENGANGKUTAN AWAM

Langkah-langkah pengemaskinian operasi bagi pengangkutan awam seperti bas, teksi, kenderaan *e-Hailing*, perahu penambang, perahu penumpang dan kapal penumpang hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

### K1. Bas, Teksi dan Kenderaan *e-Hailing*

Pemilik/Pekerja	Pelanggan
